

17/05/1997

Malay Dilemma dianggap buku klasik

AHAD lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat satu kenyataan yang agak menggemparkan. Kenyataan itu tidak ada hubung kait dengan dasar kerajaan atau masalah negara. Kenyataan itu mengenai buku yang dikarangnya selepas peristiwa 13 Mei 1969 dulu berjudul Malay Dilemma. Buku itu berani dan terus terang. Penerbitannya menggemparkan tidak saja masyarakat Melayu tetapi juga semua golongan. Penerbitannya kemudian diharamkan oleh kerajaan dan hanya diizinkan untuk dibaca umum apabila Dr Mahathir sendiri jadi Perdana Menteri.

Pada hemat saya, buku itu ialah buku paling penting dikarang oleh seorang Melayu yang terbabit dalam politik selepas perang. Sebuah buku lain yang saya rasa penting dikarang oleh pemimpin politik Melayu ialah buku Testament Politik API oleh Allahyarham Ahmad Boestaman. Boestaman dihadapkan ke mahkamah British kerana mengarang buku itu pada 1947. Dia dijatuhkan hukuman penjara atau denda tetapi dia membayar denda. Tuduhan ke atas Boestaman ialah buku itu menghasut rakyat untuk merebut kemerdekaan secara kekerasan. Sebelum itu, tidak ada pemimpin Melayu yang mengajak bangsa Melayu merebut kemerdekaan secara kekerasan. Boestaman memimpin Angkatan Pemuda Insaf pada masa itu dan slogan API ialah 'Merdeka Dengan Darah'. API ialah barisan pemuda dari Parti Kebangsaan Melayu. Selain Dr Mahathir dan Boestaman, sekiranya saya tidak silap, tidak ada pemimpin politik Melayu yang terkemuka baik dari apa parti pun, yang mengarang buku menampilkan fikiran dan pendapat mereka secara terbuka dan terus terang seperti buku Testament Politik API dan buku Malay Dilemma.

Saya rasa kita boleh menganggap kedua-dua buku itu sebagai karya separuh klasik. Walaupun begitu lama bergiat dan terbabit dalam perjuangan politik sejak akhir Perang Dunia Kedua, amat sedikit tokoh kita yang mengarang buku menghuraikan isi hati mereka sebenarnya mengenai wawasan, keluh-kesah, rintihan dan pandangan serta pendirian dan falsafah mereka. Nampaknya kebiasaan ini masih belum menjadi tradisi kita.

Boestaman dan Dr Mahathir seperti diketahui menanggung padah daripada buku-buku mereka. Boestaman terus dicap sebagai pemuda ekstremis tidak saja oleh British bahkan oleh orang Melayu sendiri.

Saya membaca rangka Malay Dilemma sebelum buku itu diterbitkan. Dr Mahathir melalui Abdullah Ahmad (kini Datuk dan Duta di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) mengedarkan buku itu kepada beberapa teman dengan maksud meminta komen mereka. Saya sudah lupa apa komen saya terhadap deraf buku itu tetapi seingat saya, tidak banyak komen yang saya catat dan tidak pula saya menyarankan agar buku itu jangan diterbitkan.

Kita memang sudah mengenali sifat Dr Mahathir. Beliau adalah seorang yang kuat berpegang kepada pendapatnya dan berani mempertahankannya. Begitu keras pendapatnya dikecam, begitu tegas ia mempertahankannya. Tidak lama dulu seorang pegawai tinggi kerajaan menceritakan kepada saya pengalamannya mendengar ceramah Dr Mahathir di Universiti Singapura kepada siswa di universiti itu. Pegawai kenalan saya itu pada masa itu masih menjadi pelajar. Dalam ceramahnya itu, Dr Mahathir tetap mempertahankan pendiriannya mengenai isu politik semasa serta pandangannya seperti yang dihuraikannya dalam bukunya. Dia disorak, diejek dan diganggu oleh mahasiwa itu tetapi Dr Mahathir tidak berganjak. Apa yang menarik kenalan saya itu ialah selepas Dr Mahathir selesai memberikan ceramahnya dan menjawab soalan soalan hadirin, seluruh pelajar dalam dewan itu memberikan

tepukan gemuruh kepadanya. Mengapa demikian, saya bertanya teman saya itu. Jawabnya, sebabnya ialah siswa itu kagum akan keberaniannya dan kegigihannya mempertahankan pendirian sekalipun disorak, diejek dan diganggu. Dr Mahathir tetap tenang menghadapi khalayak itu yang rata-rata mengkritik pandangannya.

Dalam ucapannya di konvensyen Pemuda Umno Ahad lalu, untuk pertama kali Dr Mahathir membuat pengakuan bahawa dia tidak lagi berpegang kepada pendapatnya dalam bukunya itu bahawa orang Melayu tidak akan mampu mencapai kejayaan dalam hidup. Kini, ujarinya, dia percaya bangsa Melayu boleh mencapai kejayaan dan kemajuan.

Ini juga satu sifat Dr Mahathir iaitu sedia mengakui kesilapannya sekiranya jelas terbukti kesilapannya itu. Kenyataan yang dihadapinya sekarang tidak dapat ditolakinya iaitu realiti perubahan besar yang dilalui bangsa dan negara sejak beberapa dekad terutama dia sendiri memegang tampuk pemerintahan.

Prof Dr Syed Hussein al-Attas dari Uviversiti Kebangsaan dalam ulasan terhadap kenyataan Dr Mahathir itu mengalu-alukan keberanian dan kewibawaan Perdana Menteri membuat kenyataan itu. Prof Syed Hussein ialah sarjana yang pertama membuat kritikan terhadap buku Malay Dilemma. Bagaimanapun, Prof Syed Hussein menegaskan pengakuan Dr Mahathir tidak pula mengurangkan nilai buku itu. Buku itu penting pada masa itu untuk memberi kesedaran mengenai masalah yang dihadapi bangsa dan negara. Ada banyak lagi pandangan Dr Mahathir dalam buku itu yang terbukti kebenarannya, kata Prof Syed Hussein, yang menyatakan penghargaan atas 'kejujuran' Dr Mahathir.

(END)